

## Surat Berita Peserta pada Musim Luruh 2022

4 November 2022

Kepada peserta-peserta EMPA-KIDNEY,

Terima-kasih kerana telah menyertai kajian EMPA-KIDNEY. Kajian ini baru sahaja melaporkan keputusannya pada 4 November di Orlando, Florida semasa mesyuarat tahunan Persatuan Nefrologi Amerika.

Kajian ini bermula pada tahun 2019 dan telah merekrut seramai 6609 peserta daripada 240 buah hospital di 8 buah negara. Lawatan terakhir kajian telahpun selesai pada bulan Julai tahun ini dan semenjak itu kami sibuk menganalisis data dan membuat persiapan untuk ianya dikongsi kepada umum. Kami telah merancang kajian ini dengan memastikan bahawa semua peserta terlibat mempunyai pelbagai jenis dan tahap penyakit buah pinggang kronik yang berbeza. Ini merupakan salah satu sebab mengapa keputusan ini sangat penting.

Seperti yang anda mungkin ingat, peserta-peserta seperti anda telah ditentukan secara rawak (seperti melambung syiling) untuk menerima sama ada empagliflozin aktif atau pil tidak aktif (plasebo). Kehadiran anda ke klinik kajian secara berkala dan pengambilan sampel darah pada setiap lawatan adalah untuk mengukur fungsi buah pinggang anda.

**Matlamat utama kajian ini adalah untuk menilai sama ada empagliflozin boleh mengurangkan risiko kemerosotan buah pinggang atau kematian akibat penyakit jantung. Kami amat berbesar hati untuk mengumumkan bahawa empagliflozin sememangnya telah dikenal pasti dapat memberikan manfaat kesihatan yang besar.**


Seramai 558 daripada 3305 peserta (kira-kira 17%) dalam kumpulan plasebo telah mengalami kemerosotan buah pinggang atau meninggal dunia akibat penyakit jantung, manakala dalam kumpulan empagliflozin ianya hanya terjadi kepada 432 daripada 3304 peserta (kira-kira 13%). Lebih penting lagi, **kami telah menemui bukti yang kukuh bahawa empagliflozin dapat memperlahankan kadar penurunan fungsi buah pinggang para peserta dan melambatkan keperluan untuk menjalani dialisis atau pemindahan buah pinggang.** Empagliflozin diketahui mempunyai beberapa kesan sampingan yang jarang berlaku, terutamanya keadaan yang dipanggil ketoasidosis yang secara khususnya memberi kesan kepada individu yang mempunyai kencing manis. Walaubagaimanapun, peningkatan risiko ini adalah lebih kecil berbanding faedah yang dinyatakan di atas. Kami tidak menemui kesan sampingan baru yang serius.

Kini keputusan ini akan dikongsi dengan badan-badan kerajaan yang akan mempertimbangkan dan memutuskan kepada siapa rawatan ini perlu disyorkan.


**Sila berbincang dengan doktor buah pinggang anda sama ada anda perlu mengambil ubat seperti empagliflozin, kerana ia telahpun disyorkan kepada sesetengah pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang.**

Terdapat lebih banyak maklumat tentang kajian ini di laman web kami ([www.empakidney.org](http://www.empakidney.org)). Sekali lagi terima kasih kerana telah menyertai kajian EMPA-KIDNEY. Keputusan ini akan memberi manfaat kepada berjuta-juta orang di seluruh dunia, tetapi kajian seperti ini bergantung kepada individu seperti anda yang sukarela dan mahu mengambil bahagian.

Yang benar,



Assoc. Professor William G. Herrington



Professor Richard Haynes

Ketua Penyelidik Bersama EMPA-KIDNEY